

**Status Harta Intelek Sebagai Harta Pusaka Menurut Perspektif Perundangan Islam
di Malaysia: Satu Kajian Literatur**

*The Status of Intellectual Property as Inheritance According to the Perspective of
Islamic Law in Malaysia: A Literature Review*

Naurah Hanani Mohd Yazid & Md Yazid Ahmad✉

Research Centre for Sharia, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Seiring dengan arus kemodenan, konsep harta juga semakin berkembang sesuai dengan kecerdasan akal fikiran manusia. Kewujudan harta intelek sebagai suatu komoditi dalam perniagaan, penulisan, perfileman dan lain-lain membawa kepada isu statusnya sebagai harta pusaka. Ini kerana konsep yang diguna pakai dalam harta intelek agak berbeza dengan harta fizikal dari sudut sifatnya sebagai harta maknawi, pemilikannya yang bertempoh serta kesamaran hak ke atas waris selepas kematian pemilik. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti status harta intelek sebagai harta pusaka di Malaysia, menjelaskan jenis-jenis hak menurut perspektif Islam dan perundangan harta intelek serta mengkaji pemilikan harta intelek kepada ahli waris. Kajian ini berbentuk kualitatif dan kaedah pengumpulan data adalah melalui analisis dokumen. Sementara kaedah penganalisan data adalah secara tematik dan deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa harta intelek boleh diwariskan sebagai harta alih selepas kematian pemilik. Pemilikan harta intelek ke atas waris adalah kekal dan boleh dikongsi sepanjang tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang. Walau bagaimanapun, permohonan perlindungan lanjutan oleh Badan Perlindungan Hak Cipta Malaysia (MACP) bagi karya intelektual yang telah tamat tempoh menimbulkan isu berkaitan tempoh yang tidak selari dengan jangka masa yang telah ditetapkan undang-undang dan perlukan kajian lanjutan berkaitan isu ini.

KATA KUNCI

Harta intelek, harta pusaka, pemilikan, harta maknawi, undang-undang Islam

ABSTRACT

With the progression of modernity, the concept of property has evolved in tandem with human intellectual advancement. The emergence of intellectual property as a commodity in business, writing, filmmaking, and other fields raises questions about its status as an inheritable asset. This is due to the distinctive characteristics of intellectual property compared to physical property, including its intangible nature, temporary ownership, and the ambiguity of rights for heirs after the owner's death. Therefore, the objective of this study is to determine the status of intellectual property as an inheritable asset in Malaysia, elucidate the types of rights from the perspective of Islamic and intellectual property law, and examine the inheritance of intellectual property by heirs. This study adopts a qualitative approach, with data collection conducted through document analysis. The data analysis methods employed are thematic and descriptive. The findings of the study indicate that intellectual property can be bequeathed as a movable asset upon the owner's death. The ownership of intellectual property by heirs is perpetual and can be shared for the duration stipulated by law. However, the application for extended protection by the Malaysian Copyright Protection Agency (MACP) for expired intellectual works presents issues related to the extension period not aligning with the legally stipulated timeframe, necessitating further research on this matter.

KEYWORDS

Intellectual property, inheritance, ownership, intangible assets, Islamic law

Article History

Received: June 2, 2024

Revised: June 12, 2024

Accepted: June 20, 2024

Published: June 30, 2024

Contact

Md Yazid Ahmad

(Corresponding Author)

yazid@ukm.edu.my

Citation

Naurah Hanani Mohd

Yazid & Md Yazid

Ahmad. 2024. Status

Harta Intelek Sebagai

Harta Pusaka Menurut

Perspektif Perundangan

Islam di Malaysia:

Satu Kajian Literatur.

Journal of

Contemporary Islamic

Law. 9(1): 16-24.

Copyright

© 2024 by the author(s)



This work is licensed

under a Creative

Commons Attribution-

Non-Commercial 4.0

International License.

([https://creativecommons](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

[s.org/licenses/by/4.0/](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/))

PENGENALAN

Harta intelek merujuk kepada hasil kreativiti seseorang yang meliputi pelbagai aspek seperti seni, penulisan, reka cipta, muzik dan lain-lain. Pada asalnya, harta intelek telah lama digunakan oleh umat Islam sejak zaman Rasulullah SAW. Walaupun ia tidak mempunyai nama yang khusus ketika itu, penurunan kitab suci secara *musyafahah*, penulisan al-Quran oleh para sahabat serta penyampaian hadis secara bersناد cukup membuktikan bahawa harta intelek telah dipraktikkan pada zaman Nabi SAW. Kesucian ayat-ayat suci al-Quran dan kesahihan hadis tetap terjaga sehingga kini walaupun telah menjangkau satu abad selepas kewafatan baginda (Marina Abu Bakar et al. 2021).

Harta intelek merupakan sejenis harta yang diiktiraf dunia dan dilindungi oleh Organisasi Harta Intelek Dunia atau lebih dikenali sebagai World Intellectual Property Organisation (WIPO). Organisasi ini adalah untuk menerajui pembangunan sistem harta intelek antarabangsa yang seimbang dan berkesan serta membolehkan inovasi dan kreativiti untuk manfaat semua (World Intellectual Property Organization (WIPO) 2022). Di Malaysia pula, harta intelek dipelihara oleh suatu badan berkanun yang bertindak sebagai agensi Kerajaan serta bertanggungjawab ke atas pembangunan sistem dan pentadbiran harta intelek. Ia dikenali sebagai Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang bernaung di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)(Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) 2022).

Kini, harta intelek telah dikomersialkan dan dapat menjana pendapatan negara. Perkara ini sejajar dengan sistem ekonomi berasaskan ilmu pengetahuan (k-economy) iaitu satu kegiatan ekonomi yang berlandaskan ilmu pengetahuan seperti bidang perkhidmatan dan perdagangan serta menghasilkan pengetahuan baharu demi kelestarian ekonomi itu sendiri (Jalaluddin Abdul Malek & Mohd Asruladly Ibrahim 2014). Contoh harta intelek yang telah dikomersialkan adalah penyelidikan (tesis) pelajar universiti yang dibiayai kerajaan dalam universiti tempatan (Norliah Yaakub 2014).

Sesuai dengan peredaran zaman, konsep harta juga telah berkembang dalam era teknologi kini. Para sarjana dan cendekiawan Islam tidak terlepas dalam membahaskan hukum-hukum syarak berkaitan harta intelek. Nurul Iman Mohd Zain & Luqman Abdullah (2020) dalam kajiannya merumuskan bahawa cap dagangan, nama perniagaan dan karya penulisan boleh digadai melalui *al-rahnu* kerana mempunyai nilai dan komoditi. Kajian Muhammad Farahin Mazlan (2021) pula menjelaskan bahawa hak harta intelek berbentuk royalti boleh dituntut sebagai harta

sepencarian ketika berlaku perceraian, kematian dan poligami. Fatwa al-Kafi siri 647 mewartakan bahawa harta intelek juga boleh diwakafkan kerana ia mempunyai nilai ekonomi tersendiri serta mampu membangunkan sosio-ekonomi (Mohamad Ashraf 2017). Manakala perihal wasiat pula, Seksyen 27 (1) Akta Hak Cipta 1987 menyatakan bahawa hak cipta boleh dipindah milik sebagai harta alih melalui wasiat dengan kuat kuasa undang-undang.

Selain itu, harta pusaka juga memainkan peranan yang penting dalam menguruskan harta selepas kematian seseorang. Pembahagian harta pusaka telah disebutkan dengan jelas dalam al-Quran mengikut bahagian dan urutan waris. Walau bagaimanapun, status harta intelek sebagai harta pusaka menurut syarak masih belum dibahaskan secara terperinci oleh mana-mana pihak. Ia menimbulkan isu kerana konsep yang diguna pakai dalam harta intelek agak berbeza dengan harta fizikal dari sudut sifatnya sebagai harta maknawi, pemilikannya yang bertempoh serta kesamaran hak ke atas waris selepas kematian pemilik. Oleh itu, objektif kajian ini adalah mengenal pasti status harta intelek sebagai harta pusaka di Malaysia, menjelaskan jenis-jenis hak menurut perspektif Islam dan perundangan harta intelek serta mengkaji pemilikan harta intelek kepada ahli waris.

METODOLOGI DAN ANALISIS

Kajian ini berbentuk kualitatif dan memfokuskan penganalisan data berkaitan status harta intelek sebagai harta pusaka menurut perspektif syarak dan perundangan Islam di Malaysia. Data kajian literatur ini dikumpulkan melalui kaedah analisis dokumen dan penganalisan data pula adalah secara tematik dan deskriptif. Kajian ini melibatkan hak cipta, cap dagangan serta reka bentuk perindustrian sahaja. Ia dipilih berdasarkan tiga harta intelek berdaftar yang mempunyai jumlah kelulusan tertinggi daripada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) berbanding harta intelek yang lain. Rujukan juga dilakukan terhadap kitab-kitab turath berkaitan harta, harta pusaka dan harta intelek yang telah ditulis oleh para ulama untuk mendapatkan fakta yang sahih. Akta Hak Cipta 1987, Akta Cap Dagangan 1976 dan Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 juga dirujuk bagi mendapatkan peruntukan undang-undang harta intelek.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Konsep Harta Intelek Sebagai Harta Pusaka Menurut Syarak

Harta merupakan salah satu instrumen terpenting dalam kehidupan manusia. Manusia mempunyai hak untuk memiliki dan melakukan apa-apa transaksi terhadap harta miliknya. Namun pemilikan ke atas harta adalah lebih kepada tanggungjawab sebagai pemegang amanah dan bukannya hak milik mutlak

individu dan segala tasarruf berkaitan dengannya hendaklah menepati lunas-lunas syarak (Md Yazid Ahmad & Hayatullah Laluddin 2010). Harta yang diiktiraf dan mendapat penghormatan syarak ialah setiap sesuatu atau benda yang boleh dikuasai dan dimanfaatkan, cara pemerolehan yang patuh syariah serta mempunyai nilai dari sudut syarak (Yazid Ahmad & Iknor Azli Ibrahim 2006).

Pembahagian harta pusaka berkait rapat dengan konsep harta kerana ia satu-satunya kaedah yang ditentukan oleh syariat Islam dalam menguruskan harta seseorang selepas kematiannya kerana ia dapat memberikan keadilan (Suhaimi Ab Rahman et al. 2018) dan kebaikan kepada seluruh waris yang berhak (Hani Kamariah Mat Abdullah et al. 2020). Oleh yang demikian, setiap individu perlulah memenuhi garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak dalam menyimpan harta dan menguruskan harta pusaka kepada waris. Walau bagaimanapun, status harta intelek sebagai harta pusaka tidak disebutkan secara terperinci oleh ulamak fiqh di samping terdapat perbezaan ulama dalam menentukan status harta intelek sebagai harta.

Syibir (1999) mendefinisikan harta intelek sebagai hak moral; iaitu kuasa seseorang ke atas sesuatu barang bukan material, sama ada ia berbentuk idea: seperti hak cipta dalam karya saintifik dan sastera, atau paten dan ciptaan industri, atau hasil aktiviti komersial yang dijalankan oleh peniaga untuk menarik pelanggan, seperti dalam nama dagangan dan cap dagangan. Menurut al-Durayni (1981) pula, harta intelek adalah gambaran pemikiran yang dihasilkan melalui kemampuan pemikiran seseorang hingga terhasilnya inovasi atau karya yang belum pernah ditemui atau dicipta oleh sesiapa sebelumnya. Al-Khafif (1996) menerangkan harta intelek adalah sesuatu yang bersandarkan kepada barang tidak ketara (maknawi) tidak boleh disentuh oleh pancaindera, tetapi boleh difikirkan melalui minda dan pemikiran seperti idea dan ciptaan. Selain itu, al-Bakri & al-Basyir (1989) menyatakan harta intelek adalah hak yang berkaitan dengan perkara maknawi yang tidak dapat dirasakan oleh pancaindera, seperti hasil seni dan sastera, paten, reka bentuk dan model industri. Ia merupakan buah fikiran, naluri, dan idea dan ulamak membahagikan hak ini kepada dua bahagian iaitu hak sastera dan seni serta hak komersial dan perindustrian.

Maksud harta menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah barang-barang berharga (seperti rumah, tanah, barang-barang kemas) yang dipunyai oleh seseorang (syarikat, pertubuhan). Manakala intelek pula merupakan kemampuan (daya) berfikir dan memahami (menganalisis), akal budi. Definisi harta intelek menurut Enakmen Wakaf Negeri Terengganu 2016 serta Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 ialah “apa-apa yang berkaitan dengan hak cipta, paten, reka bentuk perindustrian, cakera optik, cap dagangan dan yang seumpama

dengannya”. Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa harta intelek merupakan informasi yang digabung dengan harta fizikal dan digunakan untuk membuat salinan barang yang tidak terhad di seluruh dunia. Harta intelek wujud bukan pada salinan barang, tetapi pada informasi yang terdapat dalam barang tersebut (Azimon Abdul Aziz & Nazura Abdul Manap 2009).

Azimon Abdul Aziz & Nazura Abdul Manap (2009) menerangkan beberapa contoh harta intelek iaitu hak cipta merupakan hasil ciptaan asli dalam bidang kesusasteraan dan seni dan diekspresikan melalui perkataan, simbol, muzik, lukisan, objek tiga dimensi atau gabungan daripada ke semuanya. Akta Cap Dagangan 1976 pula memberikan perlindungan terhadap karya kreatif penciptanya serta reputasi pencipta merangkumi berbagai tanda, jenama, label, tiket, nama, tanda tangan, perkataan, huruf, angka, atau kombinasi dari semuanya. Manakala reka bentuk perindustrian pula merujuk kepada ciri bentuk, susunan, corak, atau hiasan yang diterapkan pada sesuatu barang melalui pelbagai proses atau metode perindustrian. Ia merujuk kepada ciri-ciri visual yang melekat pada barang yang sudah siap, yang menarik perhatian dan dinilai melalui persepsi visual.

Konsep harta intelek sebagai objek maknawi membawa kepada kedudukannya sebagai harta dalam Islam. Terdapat dua pendapat fuqaha mengenai status harta bagi barang berbentuk maknawi. Pendapat yang tidak bersetuju bahawa objek maknawi tidak diiktiraf sebagai harta adalah Mazhab Hanafi iaitu harta hanya terbatas pada barang-barang fizik (‘ayn) sahaja. Ibn ‘Abidin (2000) menyatakan bahawa harta adalah “sesuatu yang secara alami menarik perhatian manusia dan dapat disimpan untuk jangka masa tertentu. Sebahagian atau kesemua manusia yang menggunakannya mensabitkan sifat harta ke atas barang tersebut, serta mempunyai nilai, dan dapat dimanfaatkan sesuai dengan hukum syarak

Manakala jumhur fuqaha bersetuju bahawa ia dikategorikan sebagai harta. Al-Suyuti (1998) menukulkan bahawa harta menurut mazhab Shafie adalah “tidak dinamakan harta ke atas suatu barang kecuali yang mempunyai nilai dalam proses jual beli, dan sesiapa yang merosakkan barang tersebut akan dipertanggungjawabkan walaupun nilainya semakin berkurang dan nilai yang tidak ditolak oleh manusia seperti ‘fils’ (sen) dan seumpama dengannya”. Segala jenis harta diakui sebagai harta, baik barang fizikal (‘ayn), manfaat, atau hak, meskipun nilai dan manfaatnya berkurang kerana ia masih mempunyai nilai dalam kalangan manusia.

Menurut ulama mazhab Maliki, al-Shatibi (1997) mendefinisikan harta sebagai “sesuatu yang terletak ke atasnya milik dan pemilik menguasainya dengan mengambilnya daripada orang lain mengikut syarak). Harta adalah sesuatu (barang berjasad atau tidak berjasad) yang boleh dimiliki dan menjadi

tempat untuk pemilikan tersebut. Harta menurut al-Bahuti (2000) daripada mazhab Hanbali pula, “apa-apa yang mempunyai manfaat yang dibenarkan, dalam keadaan selain daripada keperluan atau darurat”. Manakala al-Zuhaili (1989) dari ulama’ kontemporari pula berpendapat bahawa harta ialah “sesuatu yang diperlukan dan mampu dimiliki oleh manusia samada berbentuk benda (‘ayn) atau faedah (manfaat) seperti kenderaan, bangunan, pakaian dan sebagainya”.

Undang-undang Islam di Malaysia juga mengiktiraf kewujudan harta intelek sebagai harta seperti yang telah disebutkan dalam tafsiran Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 dan Enakmen Wakaf (Terengganu) 2016 iaitu harta termasuklah “*apa-apa harta alih atau harta tidak alih dan hak dalam harta intelek*”; “*apa-apa manfaat atau kepentingan dalam apa-apa harta alih, harta tak alih atau harta intelek*” dan “*harta alih, harta tak alih atau harta intelek*”.

Berdasarkan definisi harta yang telah disebutkan, jumur fuqaha dan undang-undang Islam di Malaysia bersetuju bahawa harta intelek merupakan sebahagian daripada harta dalam Islam. Namun, ia harus diteliti dengan lebih mendalam berkaitan statusnya sebagai harta pusaka. Harta pusaka menurut al-Khin (1991) ialah “harta peninggalan (al-tarikah) yang ditinggalkan oleh si mati selepas kematiannya”. Kenyataan ini disokong oleh beberapa definisi yang lain iaitu definisi harta pusaka menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah “segala harta benda yang ditinggalkan oleh orang yang telah meninggal untuk diwarisi oleh keluarganya dan lain”. Selain itu, harta pusaka didefinisikan sebagai harta yang ditinggalkan oleh seseorang yang telah meninggal dunia untuk diwariskan kepada anggota keluarga dan pihak lain Mohd Zainudin Wan Yusoff, Luqman Hj Abdullah & Nurulhuda Ahmad Zaki (2021).

Selain itu, al-Hasyim (2003) dalam kitabnya *al-Wajiz fi al-Faraidh* memperincikan bahawa *al-tarikah* dari segi bahasa ialah “sesuatu yang ditinggalkan” manakala dari segi istilah pula mempunyai beberapa definisi antaranya “apa yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta, hak serta ikhtisas”. *Al-Tarikah* merupakan harta yang ditinggalkan kepada waris setelah pembayaran wajib dilakukan seperti melangsaikan hutang si mati (Elviana Sagala 2017) dan wasiat (Mohd Zainudin Wan Yusoff, Luqman Hj Abdullah & Nurulhuda Ahmad Zaki 2021). Kajian Hani Kamariah Mat Abdullah et al. (2020) menerangkan bahawa harta pusaka merupakan harta peninggalan si mati daripada harta atau segala hak yang dimilikinya semasa hidup, diagihkan kepada waris selepas kematiannya.

Kesimpulannya, perbezaan definisi harta pusaka adalah dari segi lafaz sahaja. Keseluruhan maksud yang disampaikan oleh para fuqaha adalah

berbalik kepada konsep harta yang mengiktiraf harta intelek sebagai harta dari sudut kewujudannya sebagai objek maknawi, mempunyai nilai dan manfaat dan boleh dijadikan sebagai *al-tarikah* secara tidak langsung.

2. Jenis-Jenis Hak Menurut Perspektif Islam Dan Undang-Undang Harta Intelek

Menurut perspektif syarak, para fuqaha membahagikan harta kepada beberapa kategori iaitu harta *mutaqawwam* dan *ghayr mutaqawwam*, *aqar* dan *manqul*, *mithli* dan *qimi* serta *istihlaki* dan *isti'mali* (al-Zuhaili 1989) dan ditakrifkan secara jelas dalam Majallah al-Ahkam al-‘Adliyyah. Perkara 127 menjelaskan bahawa harta *mutaqawwam* mempunyai dua makna iaitu penggunaan manfaatnya diharuskan dan merupakan harta *muhras* (diperolehi atau di bawah kawalan). Contoh harta *muhras* ialah ikan yang telah ditangkap oleh seseorang dan menjadi hak miliknya. Jika ia masih di lautan, ia termasuk dalam kategori *ghayr mutaqawwam*. Harta *manqul* berdasarkan Perkara 128 ialah sesuatu yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain dan termasuk wang dan hadiah, haiwan, dan sukatan, dan timbangan. Manakala harta *ghayr manqul* pula harta yang tidak boleh dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain seperti rumah atau sebidang tanah yang dipanggil hartanah (Perkara 129). Harta *mithli* berdasarkan Perkara 145 pula ialah sesuatu barang yang serupa dengannya ditemui di pasaran tanpa percanggahan yang ketara dan harta *qimi* pula sesuatu barang yang tidak mempunyai setara dalam pasaran atau tersedia untuk anda dengan perbezaan nilai yang ketara. Menurut (al-Zuhaili 1989), *istihlaki* merupakan sesuatu yang tidak boleh digunakan kecuali dengan menggunakannya dalam bentuk barang, seperti jenis makanan, minuman, kayu bakar, minyak, kertas, dan wang dan *isti'mali* pula sesuatu yang apa yang boleh digunakan semasa kekal dalam bentuk asalnya, seperti hartanah, perabot, pakaian, buku, dan seumpamanya.

Hak dan manfaat merupakan sebahagian daripada harta menurut Islam dan pandangan sivil. Secara umumnya, al-Zuhaili (1989) mengklasifikasikan hak yang berkaitan dengan harta kepada beberapa jenis seperti berikut:

- a) Hak-hak ‘*ain* yang berkaitan dengan harta sahaja termasuklah:
 - i. Hutang yang masih belum dibayar oleh seseorang yang berhutang.
 - ii. Hak menambah ketinggian bangunan bertujuan untuk meninggikannya.
 - iii. Hak-hak *irtifaq* seperti hak minuman, laluan, dan sistem pengairan.
 - iv. Diyat (pampasan bagi kehilangan nyawa) dan ‘*arsh* (pampasan bagi kecederaan anggota).
 - v. Hak menahan barang gadaian sebagai pembayaran hutang.

- b) Hak peribadi semata-mata dan bukan dalam bentuk harta benda. Ini termasuk hak penjagaan anak (hadhanah), hak suami untuk menceraikan isterinya, hak jawatan, hak *qisas* (hukuman membalas), hak untuk menuntut *qazaf* (pelaksanaan hukuman yang ditetapkan bagi tuduhan zina) dan lain-lain.
- c) Hak-hak yang mengandungi unsur harta dan unsur peribadi. Ini termasuk hak dalam hibah (hadiah), *syufa'ah* (hak prerogatif), khiyar sharat (membatalkan kontrak), hak untuk menagguhkan pembayaran hutang oleh orang yang berhutang dan sebagainya.

Para ulama bersepakat bahawa jenis hak yang pertama berkaitan dengan harta secara langsung akan diwarisi oleh waris selepas kematian pemiliknya. Mereka bersetuju bahawa jenis hak kedua iaitu hak yang bukan dalam bentuk harta benda tidak akan diwarisi oleh waris selepas kematian pemiliknya. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai jenis hak ketiga iaitu hak yang mengandungi unsur harta dan peribadi, sama ada ia akan diwarisi selepas kematian pemiliknya atau tidak. Majoriti ulama berpendapat bahawa hak-hak ini akan diwarisi oleh waris selepas kematian pemiliknya. Namun, menurut mazhab Hanafi, hak-hak ini tidak boleh diwarisi (Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang 2006).

Manakala menurut perspektif undang-undang, terdapat tiga jenis hak yang dilindungi dalam hak cipta iaitu hak moral, hak ekonomi dan hak perundangan. Manakala bagi cap dagangan dan reka bentuk perindustrian pula, hak yang dilindungi undang-undang terdiri daripada hak moral dan hak perundangan sahaja. Memandangkan pengkaji hanya memfokuskan tiga harta intelek sahaja dalam kajian ini, maka hak-hak yang terdapat dalam hak cipta, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian sahaja akan dijelaskan.

Hak moral merujuk kepada kuasa yang dimiliki oleh pemilik karya untuk mengeluarkan semula karya, menjual, memindah milik atau menyewakannya kepada orang awam. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengawal dan mengeksploitasi hasil karyanya, termasuk dalam pembuatan, penggunaan, pengedaran, penjualan, dan pengimportan tanpa gangguan dari pihak lain (Nor Asyikin Harun 2017). Hak ekonomi pula merupakan suatu ganjaran yang diterima oleh pemilik daripada hasil karyanya berbentuk royalti (Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Noor 2008; Khadijah Mohamed 2007; Muhammad Farahin Mazlan 2021). Manakala hak perundangan pula menjamin hak eksklusif bagi pemilik harta intelek yang berdaftar dari segi komersial seperti yang telah diperuntukkan dalam undang-undang. Agensi penguatkuasa seperti Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Polis

Diraja Malaysia mempunyai kuasa untuk bertindak jika terdapat plagiat atau pelanggaran hak atas harta intelek tersebut (Marina Abu Bakar et al. 2021).

Hak moral bagi hak cipta telah diperuntukkan dalam seksyen 13 (1), Akta Hak Cipta 1987 yang menjelaskan bahawa hak eksklusif pemilik termasuklah mengawal pengeluaran semula karya dalam apa-apa bentuk bahan di Malaysia, penyampaian kepada orang awam, pertunjukan atau tayangan kepada orang awam serta pengedaran salinan kepada orang awam melalui penjualan, pemindahan pemunyaan secara lain atau penyewaan secara komersial. Hak ekonomi bagi hak cipta pula disebut dalam seksyen 31 (2), Akta Hak Cipta 1987 iaitu jika terdapat pihak yang ingin menerbitkan terjemahan daripada karya berhak cipta, hak ekonomi berbentuk royalti haruslah dibayar kepada pemilik pada kadar yang akan ditentukan oleh Tribunal mengikut cara yang telah ditetapkan. Manakala dari sudut hak perundangan pula, mahkamah boleh mengambil tindakan jika berlaku sebarang pelanggaran terhadap karya berhak cipta berdasarkan seksyen 37 (1) dan pesalah diberikan suatu perintah injunksi; ganti rugi; suatu akaun keuntungan; ganti rugi statutori yang tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit bagi setiap karya, tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit pada agregatnya; atau apa-apa perintah lain yang difikirkan patut oleh mahkamah.

Pemilik cap dagangan hanya dilindungi dari aspek hak moral dan perundangan sahaja. Namun, pemilik berhak mendapatkan pampasan bagi setiap pemilihan jika berlaku pelanggaran harta intelek dari pihak lain. Hak moral cap dagangan telah dinyatakan dalam seksyen 48, Akta Cap Dagangan 1976 iaitu pemilik mempunyai hak eksklusif untuk menggunakan cap dagangan tersebut dan membenarkan orang lain untuk menggunakannya. Manakala dari sudut hak perundangan cap dagangan pula, seksyen 56 (1) (3), Akta Cap Dagangan 1976 melindungi hak pemilik jika berlaku pelanggaran cap dagangan. Pemilik berhak memulakan prosiding dan pesalah dikenakan relief suatu injunksi tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Mahkamah yang termasuk untuk menghalang barang-barang yang melibatkan pelanggaran daripada memasuki saluran perdagangan; ganti rugi; akaun keuntungan, atau dalam apa-apa hal yang subseksyen (7) terpakai, *award* bagi apa-apa ganti rugi tambahan sebagaimana yang difikirkan sesuai dalam hal keadaan itu oleh Mahkamah.

Reka bentuk perindustrian juga dilindungi dari aspek hak moral dan perundangan sahaja. Hak moral reka bentuk perindustrian telah diperuntukkan dalam seksyen 29 (1), Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 bahawa suatu reka bentuk perindustrian adalah hak milik peribadi dan boleh diserahkan atau dipindah milik melalui kuat kuasa undang-undang secara bertulis. Manakala hak perundangan reka bentuk perindustrian dilindungi

jika berlaku pelanggaran reka bentuk perindustrian, Mahkamah boleh mengawardskan ganti rugi atau membuat perintah pengemukaan akaun keuntungan dan boleh memberikan perintah injunksi untuk menghalang pelanggaran lanjut dan apa-apa remedi lain di sisi undang-undang berdasarkan seksyen 35 (1), Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996.

3. Konsep Pemilikan Harta Intelekt Selepas Kematian Pemilik

Pencipta adalah pemilik pertama kepada hasil karya berhak cipta berdasarkan peruntukkan undang-undang (Nor Azlina Mohd Noor, Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Adila Mohd Noor 2024). Seksyen 10 (1), Akta Hak Cipta 1987 memperuntukkan bahawa pencipta adalah seorang yang berkelayakan semasa karya itu dibuat. Seksyen 17 (1), Akta Cap Dagangan 1976 pula memperuntukkan bahawa pemilik merupakan tuan punya bagi satu cap dagangan dan bercadang untuk menggunakan cap dagangan tersebut dalam sektor perdagangan atau memberikan kuasa kepada pihak lain untuk menggunakannya dalam perdagangan. Manakala Seksyen 10 (1) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 pula menyatakan bahawa pemilik adalah individu yang mencipta sebuah reka bentuk merupakan pemunya asal.

Walaupun bagaimanapun, Seksyen 10 (2) (3) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 serta Seksyen 26 (2) Akta Hak Cipta 1987 menjelaskan bahawa terdapat dua keadaan yang menidakkan status pencipta sebagai pemilik iaitu jika suatu karya dan cap dagangan tersebut ditempah bagi satu nilai wang atau dicipta oleh seorang pekerja dalam tempoh bekerja, maka orang yang menempah serta majikan akan menjadi pemilik hasil karya berhak cipta dan cap dagangan tersebut secara automatik.

Dalam peruntukan undang-undang, seorang pemilik berhak untuk memindah milik harta intelek melalui beberapa cara. Hak cipta boleh dipindah milik sebagai harta alih melalui penyerahhakan, pemberian wasiat atau kuat kuasa undang-undang berdasarkan Seksyen 27 (1) Akta Hak Cipta 1987. Menurut Akta Cap Dagangan 1976, Seksyen 64 (1) (3) memperuntukkan bahawa cap dagangan juga boleh dipindah milik dengan cara yang sama seperti harta alih dan berkuat kuasa jika ia dilakukan secara bertulis dan ditandatangani oleh pihak penerima. Ia juga boleh digadaikan sebagai harta alih seperti yang telah termaktub dalam Seksyen 64 (5) akta yang sama. Bagi reka bentuk perindustrian pula, Seksyen 30 (1) (2) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 menjelaskan secara umum bahawa ia boleh dipindah milik melalui kuat kuasa undang-undang dan boleh berkuat kuasa selepas direkodkan dalam Daftar.

Harta intelek bukanlah satu-satunya harta maknawi yang boleh dipindah milik sebagai harta alih. Aset digital juga merupakan salah satu harta maknawi yang boleh dipindah milik sebagai harta alih. Aset digital merujuk kepada segala perkara

tersimpan dalam format data binari yang lebih dikenali sebagai mata wang kripto (*cryptocurrency*). Ia bukan sahaja dapat dikenal pasti dengan cara yang unik dan boleh digunakan untuk melabur dalam pasaran saham, malah boleh dijadikan sebagai aset dalam pembahagian harta pusaka selagi mana pelaksanaannya mengikut syariat Islam (Mohd Kamarul Khaidzir & Farah Katrina 2022). Selain itu, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-4/2021 yang bersidang pada 8 Muharram 1443H bersamaan 17 Ogos 2021 telah memutuskan bahawa hukum mata wang kripto adalah harus jika dilakukan melalui platform pertukaran mata wang digital berlesen yang diluluskan, mempunyai pengetahuan yang cukup serta tidak digunakan dalam perkhidmatan atau jual beli barangan yang bertentangan dengan syarak.

Selain daripada pemilikan persendirian, harta intelek juga boleh dimiliki lebih daripada seorang individu. Berdasarkan Seksyen 27 (4) (5), Akta Hak Cipta 1987, pemunya bersama mempunyai hak yang sama seperti pemilik. Sekiranya suatu karya berhak cipta dimiliki bersama, pemilik hendaklah mendapat persetujuan daripada pemunya yang lain untuk menyerahkan hak dan lesen kepada pihak lain sama ada mereka berkongsi kepentingan bersama dalam sebahagian atau keseluruhan karya tersebut. Menurut seksyen 63, Akta Cap Dagangan 1976, pemilikan bersama ke atas suatu cap dagangan memberikan hak kepada setiap pemunya berdasarkan bahagian dan perjanjian yang telah dipersetujui oleh semua pihak. Jika salah seorang pemunya bersama melanggar perjanjian yang ditetapkan, pemunya lain berhak mengambil tindakan undang-undang tanpa persetujuan sesiapa ke atas individu tersebut kerana ia termasuk dalam pelanggaran cap dagangan terdaftar.

Tempoh pemilikan bagi setiap harta intelek juga berbeza. Setiap hasil karya berhak cipta dilindungi oleh undang-undang sepanjang hayat pencipta berdasarkan Seksyen 17 (1) Akta Hak Cipta 1987. Tempoh perlindungan bagi cap dagangan pula selama 10 tahun dari tarikh pendaftaran berdasarkan Seksyen 39 (1) Akta Cap Dagangan 1976 dan Seksyen 25 (1) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 memperuntukkan 5 tahun perlindungan bagi setiap reka bentuk yang didaftarkan.

Jika berlaku kematian pemilik, hak cipta akan terus dilindungi selepas 50 tahun kematian pemilik (Seksyen 17 (1) Akta Hak Cipta 1987). Selain itu, jika pemilik suatu cap dagangan meninggal dunia sebelum permohonan dibuat, mana-mana pihak yang berhak boleh menggunakan namanya untuk meneruskan pendaftaran yang tergendala dengan persetujuan Pendaftar berdasarkan Seksyen 37 (1) Peraturan-peraturan Cap Dagangan 2019. Manakala tiada peruntukan undang-undang yang khusus berkaitan pemilikan reka bentuk perindustrian selepas kematian pemilik.

Ibn Manzur (1956) menyatakan bahawa pemilikan adalah perbuatan memiliki sesuatu dan berkemampuan dalam mendominasi serta menggunakannya. Badran (t.th) pula menjelaskan bahawa pemilikan harta terbahagi kepada dua iaitu pemilikan penuh (*milk tam*) dan pemilikan separa penuh (*milk naqis*). Pemilikan penuh bermaksud seseorang memiliki suatu barang secara fizikal dan manfaat sekaligus. Manakala pemilikan separa penuh pula, Ibn Rajab (t.th) membahagikannya kepada tiga bahagian:

- i. Pemilikan fizikal harta tanpa memiliki manfaat hartanya iaitu satu pihak memiliki fizikal harta dan pihak yang lain berkuasa ke atas manfaat harta tersebut pada masa yang sama.
- ii. Pemilikan manfaat harta tanpa memiliki fizikalnya iaitu seseorang berautoriti dalam menguruskan manfaat harta yang dimiliki sedangkan pada masa yang sama tiada orang lain berhak melakukan sedemikian.
- iii. Hak menerima manfaat iaitu pemilikan terhadap manfaat; seseorang perlu memberi imbalan kepada pemilik harta seperti sewaan serta hak memiliki manfaat; seseorang tidak perlu memberikan apa-apa imbalan kepada pemilik harta.

Pandangan para ulama menyokong bahawa pemilik harta berhak untuk mendominasi dan menguruskan harta yang dimiliki sepenuhnya. Jika ahli waris memiliki suatu harta intelek selepas kematian pemilik, maka waris tersebut berhak mendapatkan hak yang diberikan kepada pemilik sepanjang hayatnya dari aspek hak moral, ekonomi dan perundangan sehingga tamat tempoh. Namun, jika berlaku kemungkinan lanjutan tempoh perlindungan hak cipta terhadap suatu karya seperti karya almarhum P. Ramlee, maka kerajaan Malaysia memainkan peranan penting dalam membuat keputusan yang rasional agar perjalanan muzikal dan seni dapat memberi manfaat kepada negara

Oleh itu, harta intelek boleh dipindah milik sebagai harta alih selepas kematian pemilik seperti yang telah ditetapkan undang-undang sivil dan disepakati oleh para fuqaha dalam mengiktiraf hak sebagai harta dan boleh dijadikan sebagai harta pusaka. Namun, hak milik ke atas harta intelek bagi waris selepas kematian pemilik asal sah untuk tempoh tertentu yang telah ditetapkan. Perkara ini berbeza dengan konsep harta fizikal iaitu pemilikan dan hak ke atas harta tersebut adalah kekal dan boleh diwarisi selama-lamanya (Marina Abu Bakar et al. 2021). Selain itu, isu penetapan semula tempoh bagi hak cipta akan timbul sekiranya permohonan lanjutan bayaran royalti kepada waris diluluskan.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, harta intelek boleh diiktiraf sebagai harta pusaka berdasarkan

pandangan ulama. Perbezaan istilah yang diguna pakai oleh ulama berkaitan faraid tidak memberikan kesan kepada maksud harta pusaka iaitu “apa yang ditinggalkan oleh si mati daripada harta, hak serta ikhtisas”. Harta intelek telah menepati ciri-ciri harta berkaitan objek maknawi serta mempunyai hak yang boleh memberikan manfaat kepada ahli waris dari sudut pemilikan, kuasa untuk tasaruf seperti jual beli atau sewaan, royalti serta perlindungan perundangan jika berlaku pelanggaran harta intelek. Waris tetap berhak mendapatkan *award* berbentuk pampasan, ganti rugi atau hadiah dari pihak mahkamah. Selain itu, harta intelek juga boleh dimiliki lebih daripada seorang pemilik. Bilangan pemilik yang tiada had memudahkan ahli waris dalam mendaftarkan nama mereka sebagai pemilik baru harta intelek tersebut. Ia juga boleh diwariskan seperti harta alih yang lain dari aspek prosedur dan bahagian yang telah ditetapkan oleh syarak. Walau bagaimanapun, kajian lanjutan perlu dilakukan sekiranya terdapat kelulusan bagi permohonan perlindungan sambungan karya yang telah tamat tempoh kerana ia bertentangan dengan tempoh maksimum perlindungan hak cipta selepas kematian pemilik.

RUJUKAN

- Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Noor. 2008. Pemilikan Harta Intelek Dalam Hubungan Pekerja Dan Majikan: Satu Tinjauan Perundangan. Kertas Kerja dibentang di he 4th National Human Resource Management Conference. <https://core.ac.uk/download/pdf/12118109.pdf> [31 Januari 2023].
- al-Bahuti, Mansur Ibn Yunus. 2000. *Kasyaf al-Qina' "An Matan al-Iqna"*. Beirut: Dar al-Fikr
- al-Bakri, Abd al-Baqi. & al-Basyir, Zuhair. 1989. *al-Madkhal li Dirasah al-Qanun*. Beirut: al-Milkiyah al-Qanuniah.
- al-Durayni, Fathi. 1981. *Haq al-Ibtikar fi al-Fiqh al-Islami al-Muqaran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Hasyim, Abd al-Rahim. 2003. *al-Wajiz fi al-Faraidh*. al-Qahirah: Dar Ibn al-Jawzi.
- al-Khafif, Ali. 1996. *Al-Milkiyah fi al-Syariah al-Islamiah ma'a al-Muqaranah bi al-Sharai'i al-Wad'iyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-Arabiyy.
- al-Khin, Mustafa. 1991. *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Kedua. Dimashq: Dar al-Qalam.
- al-Shatibi, Abi Ishaq Ibrahim ibn Musa ibn Muhammad al-Lakhmi. 1997. *al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Makkah: Dar Ibn 'Affan.
- al-Suyuti, Jalal al-Din Abd al-Rahman. 1998. *al-Asybah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' al-Syafi'iyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- al-Zuhaili, Wahbah. 1989. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Edisi ke-3. Beirut: Dar al-Fikr.

- Azimon Abdul Aziz & Nazura Abdul Manap. 2009. Aspek Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Harta Intelek: Permasalahan-Permasalahan Yang Memberi Kesan Kepada Perlindungan Pengguna. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV)*, hlm. 523–537.
- Badran, Abu al-Aynayn. (n.d.). *Tarikh al-Fiqh al-Islami wa Nazariyyah al-Milkiah wa al-Uqud*. Beirut, Lubnan: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Elviana Sagala. 2017. Ketentuan Tentang Harta Peninggalan (Tarikh) Dalam Hukum Islam. *Jurnal Ilmiah Advokasi* 5(1): 34–51. <https://jurnal.ulb.ac.id/index.php/advokasi/article/view/319> [4 Februari 2023].
- Hani Kamariah Mat Abdullah, Suhaimi Ab Rahman, Rasyidah Md. Khalid & Nurul Aiman Mat Abdullah. 2020. Perkembangan Pengurusan dan Pentadbiran Harta Pusaka Islam Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences (e-ISSN: 2600-9080)* 3(1): 42–53. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/100> [3 Februari 2023].
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin ibn 'Umar. 2000. *Radd al-Muhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*. Dimashq: Dar al-Thaqafah wa al-Turath.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram. 1956. *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn Rajab, Abd al-Rahman. (n.d.). *al-Qawaid li Ibn Rajab*. Qahirah: Dar al-Fikr
- Jalaluddin Abdul Malek & Mohd Asruladly Ibrahim. 2014. Dualisme Masyarakat Bandar Pengetahuan Era K-Ekonomi. *Journal of Social Sciences and Humanities* 9(2): 24–47.
- Khadijah Mohamed. 2007. Multimedia dan Pelesenan Karya Hak Cipta. Dlm. Ahmad Shamsul Abd Aziz, Khadijah Mohamed, & Mazita Mohamed (pnyt.). *Siri Perkembangan Undang-Undang Di Malaysia: Undang-Undang Multimedia*. Edisi ke-2007. Putrajaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marina Abu Bakar, NoorAsyimah Ramli, Saad Gomaa Gomaa Zaghoul, Ahmed Ramadan Mohamed Ahmed, Meryem Abous & Mohamad Fauzi Md Thahir. 2021. Isu Tuntutan Harta Intelek Sebagai Harta Sepencarian: Analisis Kritis Dari Perspektif Syariah Dan Undang-Undang. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 24(2): 60-87. www.jfatwa.usim.edu.my.
- Md Yazid Ahmad. 2010. Pengurusan Harta Pusaka: Permasalahan Sikap masyarakat Islam Di Malaysia dan Penyelesaiannya Menurut Perspektif Islam. *Shariah Law Reports* 4 ShLR: 30-55.
- Mohamad Ashraf. 2017. Al-Kafi #647: Hukum Wakaf Harta Intelek. *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: Al-Kafi li al-Fatawi*. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/747-al-kafi-647-hukum-wakaf-harta-intelek> [17 Mac 2023].
- Mohd Kamarul Khaidzir & Farah Katrina. 2022. Faraid Aset Digital di Malaysia. *6th Muzakarah Fiqh & International Conference 2022*, hlm. 81–91.
- Mohd Zainudin Wan Yusoff, Luqman Hj Abdullah & Nurulhuda Ahmad Zaki. 2021. Pentadbiran Undang-Undang Harta Pusaka Mualaf Di Malaysia: Satu Sorotan Literatur. *Jurnal Fiqh* 18(2): 315–344. <https://mj.es.um.edu.my/index.php/fiqh/article/view/31490> [3 Februari 2023].
- Mohd Zamro Muda & Mohd Ridzuan Awang. 2006. *Undang-undang Pusaka Islam: Pelaksanaan di Malaysia*. Bang : Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Farahin Mazlan. 2021. Status Hak Cipta Sebagai Harta Sepencarian Menurut Perspektif Perundangan Syariah. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Nor Asyikin Harun & Zinatul Ashiqin Zainol. 2020. *Hubungkait di antara Hak Harta Intelek dan Inovasi Terbuka di Malaysia*. Penerbit UKM: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Nor Azlina Mohd Noor, Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Adila Mohd Noor. 2024. Status Karya Berhak Cipta Selepas Kematian Pemunya: Perspektif Undang-undang di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* 9(60): 69–74.
- Norliah Yaakub. 2014. Analisa perundangan terhadap polisi harta intelek Universiti : implikasi kepada pengkomersilan. Disertasi Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Nurul Iman Mohd Zain & Luqman Abdullah. 2020. Hukum Gadaian Harta Intelektual Menurut Perspektif Fiqh. *Jurnal KIAS* 13(1):27-51.
- Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). 2022. Kenali MyIPO. <https://www.myipo.gov.my/ms/kenali-myipo/>
- Suhaimi Ab Rahman, Rasyidah Md Khalid, Adilah Abd Razak & Abu Bakar Jaafar. 2018. Pemeriksaan Mahkamah Syariah dalam Pentadbiran Harta Pusaka Masyarakat Islam menurut Kerangka Federalisme di Malaysia. *Akademika* 88(3): 113–125. <https://doi.org/10.17576/akad-2018-8803-10>.
- Syibir, Muhammad Uthman. 1999. *Al-Muamalat al-Maliyah al-Mua'asarah fi al-Fiqh al-Islami*. Jordan: Dar al-Nafais.
- World Intellectual Property Organization (WIPO). 2022. What is Intellectual Property? <https://www.wipo.int/portal/en/index.html> [3 Februari 2023].

Yazid Ahmad & Hj Iknor Azli Ibrahim. 2006.
Konsep Harta Menurut Perspektif Undang-
Undang Islam dan Undang-Undang Sivil.

Satu Tinjauan. *Jurnal Pengajian Umum Asia
Tenggara* 7: 99-114.

KANDUNGAN / CONTENTS

Muslim Funeral Rights in The West	1-7
Nouman Hussain	
Non-Fungible Tokens (NFTs) in Islamic Perspective: Challenges and Way Forward	8-15
Azlin Alisa Ahmad	
Status Harta Intelek Sebagai Harta Pusaka Menurut Perspektif Perundangan Islam di Malaysia: Satu Kajian Literatur	16-24
<i>The Status of Intellectual Property as Inheritance According to the Perspective of Islamic Law in Malaysia: A Literature Review</i>	
Naurah Hanani Mohd Yazid & Md Yazid Ahmad	
تطبيق مبادئ الحوكمة الشرعية وانعكاساته على الأداء: دراسة ميدانية على جمعية إنسان الخيرية بدولة الكويت	25-38
<i>The Application of Shariah Governance Principles and Their Impact on Performance: A Field Study on the Insan Charity Association in Kuwait</i>	
Mubarak Salim al-A'azimi, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani, Mat Noor Mat Zain, Muhammad Nazir Alias	
Analisis Hukum Pembayaran Ex-Gratia di Syarikat Takaful	39-46
<i>Analysis of Ruling on Ex-Gratia Payment in Takaful Companies</i>	
Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani & Anas Mat Naim	
Rights of The Buyer Under The Sale of Goods in Shari‘Ah and International Trade Law: A Comparative Analysis	47-59
Mazin Abdulhameed Dawood Hassan & Ahmad Azam Othman	
Membasmikan Kemiskinan Dalam Kalangan Usahawan Asnāf Melalui Kewangan Sosial Islam: Iktibar Dari Baitul Mal Aceh	60-69
<i>Eradicating Poverty Among Asnāf Entrepreneurs Through Islamic Social Finance: Lessons from Baitul Mal Aceh</i>	
Mohd. ‘Adli Zahri, Nooramira Ghazali, Mohamad Shaharudin Samsurijan, Zahri Hamat, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
أهمية الاستثمار في الشريعة الإسلامية والحماية القانونية المقررة له في القانون العماني: دراسة تحليلية	70-81
<i>The Importance of Investment in Islamic Sharia and Its Legal Protection Under Omani Law: An Analytical Study</i>	
Saleh Said Dhiyab Al Hosni, Wan Zulkifli Bin Wan Hassan, Muhammad Nazir Alias	